# Panduan Pengguna

# Pendaftaran Majikan Dalam Talian Bagi Syarikat Berdaftar Dengan (Suruhanjaya Syarikat Malaysia) SSM

Disediakan Oleh: Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

# 1. Permohonan Pendaftaran

# Langkah 1 – Permohonan Pendaftaran Majikan Dalam Talian Bagi Syarikat Berdaftar Dengan (Suruhanjaya Syarikat Malaysia) SSM

1. Di laman web KWSP, klik menu Majikan, klik sub menu Pendaftaran dan rujuk ke bawah Di Mana Anda Boleh Mendaftar.
2. Klik **Dalam talian** bagi Syarikat berdaftar dengan SSM.




**Dalam talian** bagi syarikat berdaftar dengan SSM

# Langkah 2 – Semakan Maklumat Majikan

1. Kunci masuk maklumat berikut:
    a. No. Pendaftaran Syarikat
    b. Tarikh Mula Mengambil Pekerja
    (Tarikh ke hadapan TIDAK dibenarkan. Tarikh ke belakang yang dibenarkan adalah 1 bulan daripada tarikh semasa membuat pendaftaran)
    c. Tarikh Penubuhan
    d. No. MyKad/Pasport
    (Pengarah syarikat yang didaftarkan dengan SSM)
    e. No. Telefon Bimbit
    (Pengarah syarikat yang didaftarkan dengan SSM)
2. Tandakan (tick) “Saya bukan robot”
3. Klik Semak

Nota: Pastikan maklumat yang dikunci masuk SAMA dengan maklumat yang didaftarkan dengan SSM



# Langkah 3 – Status Selepas Semakan

1. Status/keputusan ke atas semakan maklumat majikan akan dipaparkan seperti berikut:
   a. TERUSKAN dengan proses selanjutnya jika maklumat yang dikunci masuk SAMA dengan maklumat yang didaftarkan dengan SSM
   b. GAGAL untuk berdaftar sebagai Majikan KWSP jika maklumat yang dikunci masuk TIDAK SAMA dengan maklumat yang didaftarkan dengan SSM
   c. GAGAL untuk berdaftar sebagai Majikan KWSP jika Majikan telah pun berdaftar sebagai Majikan KWSP
2. Klik Teruskan

Nota: Bagi permohonan yang gagal, majikan boleh menghubungi Pusat Pengurusan Perhubungan KWSP di talian 03-8922 6000 untuk pertanyaan lanjut atau mengunjugi cawangan KWSP yang berhampiran.









# Langkah 4 – Maklumat Majikan

1. Maklumat Majikan yang berkenaan akan Dipaparkan secara otomatik. Majikan tidak boleh meminda maklumat yang dipaparkan.
2. Kunci masuk maklumat berikut:
   a. Maklumat Perniagaan – Jenis Perniagaan dan Bilangan Pekerja
   b. Maklumat Perhubungan
   c. Maklumat Pendaftaran i-Akaun (Majikan)
3. Tandakan (tick) pengesahan maklumat majikan yang disediakan
4. Klik Hantar

Nota: Ruangan maklumat Pendaftaran i-Akaun (Majikan) hanya akan dipaparkan kepada Majikan yang layak. Sekiranya ruangan maklumat ini TIDAK dipaparkan, ia bermaksud Majikan tidak layak untuk mendaftar i-Akaun (Majikan) dalam talian. Majikan tersebut boleh menghubungi Pusat Pengurusan Perhubungan KWSP ditalian 03-8922 6000 untuk pertanyaan lanjut atau mengunjungi cawangan KWSP yang berhampiran.


KWSP 1

**Pendaftaran Majikan**

**Maklumat Perniagaan**

Entiti Perniagaan: PENDAFTARAN SYARIKAT
Nama Syarikat
E-mel
Alamat Perniagaan
Poskod
Bandar
Negeri
Jenis Perniagaan *: Pilih Satu
Bil. Pekerja *: 0

**Maklumat Perhubungan**

Nama Untuk Dihubungi *
No. Telefon *
E-mel *
Alamat Surat Menyurat *
Poskod *
Bandar *
Negeri *: JOHOR DARUL TAKZIM

**Maklumat Pengarah**

Nama Pengarah Syarikat
No. MyKad/Pasport
Jawatan: Pengarah/Pemilik Perniagaan
Warganegara: MALAYSIA
No. Telefon Bimbit
E-mel

**Maklumat Pendaftaran i-Akaun**

Nama Pentadbir *
Jawatan *
Jenis ID Pengenalan *: Pilih Satu
No. MyKad/Pasport *
No. Telefon Pejabat *
No. Telefon Bimbit (TAC) * (?)
E-mel *

☐ Saya mengesahkan semua maklumat dan dokumen (jika berkenaan) yang dikemukakan bagi tujuan pendaftaran ini adalah benar dan betul. Saya memahami bahawa adalah menjadi suatu kesalahan sekiranya saya memberikan apa-apa maklumat yang tidak benar atau tidak betul atau mengemukakan apa-apa dokumen palsu dan saya boleh dikenakan denda atau dipenjara atau kedua-duanya. Saya juga memahami bahawa pendaftaran ini adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang ditentukan oleh KWSP.

Hantar

# Langkah 5 – Pengesahan Pendaftaran Majikan

1. Sahkan maklumat pendaftaran yang telah dikunci masuk.
2. Klik Hantar



# Langkah 6 – Status Pendaftaran Majikan

1. Status/keputusan ke atas permohonan pendaftaran akan dipaparkan.
2. Berikut adalah maklumat pendaftaran sebagai Majikan KWSP yang akan diperolehi:
   a. Nombor Akaun Majikan
   b. Pengesahan pendaftaran – Notis dan Sijil pendaftaran
3. Bagi Majikan yang layak, pengaktifan i-Akaun (Majikan) boleh terus dilakukan. (a)
4. Klik Aktifkan i-Akaun (Majikan) bagi mengaktifkannya.
5. Bagi Majikan yang tidak layak, pendaftaran i-Akaun (Majikan) boleh dibuat dengan merujuk link MAKLUMAT yang telah disediakan atau menghubungi Pusat Pengurusan Perhubungan KWSP ditalian 03-8922 6000 untuk pertanyaan lanjut atau mengunjungi cawangan KWSP yang berhampiran (b)
6. Klik Papar/Muat Turun Pengesahan Pendaftaran bagi mendapatkan Pengesahan Pendaftaran.






# Paparan Maklumat Pengesahan Pendaftaran & Pengaktifan i-Akaun(Majikan)

## Notis Pendaftaran Majikan

KWSP EPF

NO 3 JALAN SG 6/2
TAMAN SRI GOMBAK
68100 BATU CAVES
SELANGOR DARUL EHSAN

Rujukan Kami : 22006827
Tarikh : 27 Mac 2021

Tuan

PENDAFTARAN MAJIKAN

Nama Majikan : F4 FORWARDING & SHIPPING SDN. BHD.
Nombor Majikan : 22006827

Dimaklumkan permohonan pendaftaran majikan tuan telah diluluskan. Sila gunakan Nombor Majikan seperti yang tercatat di atas untuk semua urusan dengan pihak KWSP. Bersama-sama ini disertakan **Sijil Pendaftaran Majikan.**

2. Tuan dikehendaki membayar caruman KWSP mulai bulan **APRIL 2021** untuk gaji bulan **MAC 2021**. Sila gunakan media elektronik seperti i-Akaun bagi memudahkan urusan dengan KWSP.

3. Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web kami di www.kwsp.gov.my atau imbas QR_Code di bawah atau hubungi Pusat Pengurusan Perhubungan KWSP di talian 03-8922 6000 atau mengunjungi cawangan kami yang berhampiran di alamat berikut :-

KWSP Shah Alam
Tingkat G,1&2
Corporate Tower IDCC Shah Alam
Jalan Pahat L 15/L

Sekian, terima kasih.
KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA

Video Panduan Ringkas Tanggungjawab Majikan **https://goo.gl/7fsI7I**

SmartFAQ Majikan KWSP **https://goo.gl/vIHISk**

Surat ini adalah cetakan komputer dan tidak memerlukan tandatangan. Cetakan myEPF
Pejabat KWSP Ibu Pejabat Bangunan KWSP Jalan Raja Laut 50350 Kuala Lumpur.
Tel: 03-89226000 / www.kwsp.gov.my

1 / 2

## Sijil Pendaftaran Majikan

KWSP19

KWSP EPF

AKTA KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA 1991

*KAEDAH-KAEDAH KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA 1991*

*(SEKSYEN 41(1) DAN KAEDAH 9)*

SIJIL PENDAFTARAN MAJIKAN

No. Pendaftaran Majikan
Majikan

No. Pendaftaran Perniagaan/Syarikat/Entiti

Dengan ini, diperakui bahawa syarikat/perniagaan/entiti sebagaimana butiran di atas telah didaftarkan mengikut peruntukan Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 pada **27 MAC 2021**.

Bertarikh pada **27 MAC 2021**

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA

2 / 2

## Pengaktifan i-Akaun (Majikan)

- Login
- Pengaktifan i-Akaun (Login Kali Pertama)
- Lupa Kata Laluan?
- Soalan Lazim
- Hubungi Kami

**Pengaktifan i-Akaun**

**Terma dan Syarat**

Sila baca dan fahamkan Terma dan Syarat berikut yang akan merangkumi capaian anda ke laman web www.kwsp.gov.my (selepas ini dirujuk sebagai "laman web ini") dan penggunaan perkhidmatan yang terkandung di dalamnya.

Tuan/puan adalah terikat dengan terma-terma dan syarat-syarat berikut sekiranya tuan/puan akses laman web ini dan Perkhidmatan dan sekiranya tuan/puan tidak bersetuju dengan terma-terma dan syarat-syarat ini tuan/puan hendaklah menghentikan akses dan Perkhidmatan ini dengan SEGERA.

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT YANG TERPAKAI TERHADAP AKSES LAMAN WEB INI DAN PENGGUNAAN PERKHIDMATAN

Akses laman web ini dan penggunaan Perkhidmatan adalah tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat berikut pada setiap masa.

DEFINISI
"Isikandungan"
ertinya semua data, maklumat, bahan dan isi kandungan termasuk, tetapi tidak terhad kepada, mesej teks, nada deringan, logo operator, ikon kumpulan pemanggil, mesej bergambar, penyelamat skrin dan senarai direktori seperti yang dimaklumkan di dalam laman web ini.

"Perkhidmatan"
ertinya semua perkhidmatan yang ditawarkan atau disediakan kepada anda di talian atau melalui laman web ini.

"Sistem Pesanan Ringkas"
ertinya Sistem Pesanan Ringkas.

"Permintaan Muat turun SMS"
ertinya satu permintaan memuat turun sesuatu 'Item' ke telefon bimbit melalui Sistem Pesanan Ringkas.

"Item"
ertinya Isi kandungan tertentu yang diminta untuk dimuat turun mengikut sesuatu permintaan muat turun.

"Ahli"
ertinya mana-mana orang yang berdaftar dengan KWSP dan diberikan nombor ahli dan sepertimana yang ditakrifkan di bawah Akta KWSP 1991;

"i-Akaun"
ertinya akaun untuk mana-mana Ahli dan/atau Majikan bagi membolehkan mereka mempunyai akses atau mengguna Perkhidmatan internet;

"Hari Perniagaan"
ertinya hari yang mana KWSP dibuka untuk urusniaga;

"ID Pengguna"
ertinya nama pengenalan antara 8 - 16 aksara abjad angka (alphanumeric character) yang digunakan oleh Ahli/Majikan untuk akses i-Akaun mereka;

"Kata Laluan"
ertinya angkubah nombor&perkataan peribadi di antara 8 – 16 aksara yang digunakan bersama id Pengguna untuk mengakses, terutamanya i-Akaun dan juga Perkhidmatan Internet yang lain.

"Kerugian"

Setuju / Tidak Setuju

Reset | Seterusnya

# 2. Permohonan Muat Turun/Cetak Semula Pengesahan Pendaftaran Majikan

# Langkah 1 – Cetak Semula Pengesahan Pendaftaran

1. Di laman web KWSP, klik menu Majikan, klik sub menu Pendaftaran dan rujuk ke bawah - Apa Anda Akan Dapat.
2. Klik **“disini”** untuk mencetak semula pengesahan pendaftaran majikan.



# Langkah 2 – Kunci Masuk Maklumat Yang Telah Didaftarkan

1. Kunci masuk maklumat berikut:
   a. No. Pendaftaran Syarikat
   b. Tarikh Mula Mengambil Pekerja
   c. Tarikh Penubuhan
   d. No. Mykad/Pasport
   e. No. Telefon Bimbit
2. Tandakan (tick) “Saya bukan robot”
3. Klik Semak

Nota: Pastikan maklumat yang dikunci masuk SAMA dengan maklumat yang telah dikunci masuk semasa proses pendaftaran yang terdahulu



# Langkah 3 – Paparan Cetak Semula Pengesahan Pendaftaran

1. Klik Papar/Muat Turun Pengesahan Pendaftaran bagi mendapatkan Pengesahan Pendaftaran.



KWSP®
EPF

MEMBANTU AHLI MENCAPAI MASA DEPAN YANG LEBIH BAIK

# Terima Kasih

© 2021 EMPLOYEES PROVIDENT FUND® (EPF®) of Malaysia. All Rights Reserved.